

→ CATATAN

Kegemilangan 100 tahun industri sawit dan wawasan hadapan



Komoditi hari ini dan hari muka
Mah Siew Keong

Ketika saya mula menulis petikan ini, warta berita sudah bermula mengenai kemenangan Emmanuel Macron dalam Pilihan Raya Presiden Perancis. Adalah menjadi harapan saya bahawa Presiden yang berideologi sederhana ini akan memandang minyak sawit secara lebih rasional dan memudahkan kedua-dua negara untuk bekerja ke arah formula menang-menang yang boleh dilanjutkan kepada seluruh Kesatuan Eropah (EU).

Sesetengah Ahli Parlimen Perancis agak merunsingkan industri minyak sawit, dengan pelbagai usaha mereka untuk memperkenalkan cukai bersifat diskriminasi dan tidak adil yang menyekat kemasukan minyak sawit ke Perancis dan melemahkan daya saing komoditi itu di tempat lain di Eropah.

Kaitan Perancis

Ironinya, orang Perancis yang memulakan penanaman komersial kelapa sawit di Tanah Melayu ketika itu. Henri Fauconnier yang mengimport beberapa beg benih dari Sumatera, adalah individu pertama menanam kelapa sawit di plot percubaan di Rantau Panjang, Kuala Selangor pada 1914 sebelum menubuhkan ladang komersial yang pertama di kawasan berjiran Tennamaram Estate, Batang Berjantai (kini Bestari Jaya) pada 1917, tepat 100 tahun lalu.

Penanaman pertama itu menandakan peristiwa bersejarah bagi minyak sawit di Malaysia dan pada hari esok, kita akan meraikan dan memperingati tahun ke-100 penanaman komersial kelapa sawit komersial, di tapak permulaannya di Estet Tennamaram.

Pada abad ke-19 dan awal abad

ke-20 awal, orang Eropah memelopori penanaman getah dan diikuti pembangunan ladang kelapa sawit.

Henri Fauconnier dan sekutunya seorang rakyat Belgium, Adrian Hallet, yang mengasaskan Sofin S.A., adalah antara perintis bagi penanaman kelapa sawit.

Yang lain termasuk orang Scotland dan Inggeris seperti Alexander Guthrie (Kumpulan Guthrie), Daniel dan Smith Harrison serta Joseph Crosfield (Harrisons & Crosfield), William Middleton Sime, Henry d'Esterre Darby dan Herbert Milford Darby (Sime, Darby & Co.) dan Aage Westenholz, seorang rakyat Denmark yang memulakan United Plantations di daerah asal saya di Teluk Intan, yang dahulu lebih dikenali sebagai Teluk Anson.

Ini diikuti dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada 1956 untuk menerajui program pembangunan dan penempatan semula untuk membasmi kemiskinan melalui pertanian getah dan kelapa sawit.

Selepas itu bermulanya era 'tauke' - Robert Kuok (PPB Oil Palms, kemudian Wilmar), Tan Sri Lee Loy Seng (KL Kepong) dan Tan Sri Lee Shin Cheng (IOI Group).

Kuasa ekonomi dan inovasi

Dalam tempoh 100 tahun ini, kita sudah menyaksikan pertumbuhan dan inovasi yang luar biasa.

Daripada permulaan yang kecil, industri minyak sawit hari ini adalah tonggak utama sektor komoditi, yang menyumbang sejumlah RM67.6 bilion dalam nilai eksport pada 2016, bersamaan dengan 6.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Dengan lebih daripada dua juta rakyat Malaysia yang terbabit dalam rangkaian nilai minyak sawit termasuk 644,522 pekebun kecil, tidak dapat dinafikan bahawa kesannya ke atas kesejahteraan rakyat adalah sangat besar.

Pada peringkat global pula, Malaysia menghasilkan 8.5 peratus daripada hasil minyak dan lemak serta menguasai 19.1 peratus daripada pasaran eksport, namun

hanya menggunakan 0.11 peratus daripada tanah pertanian global.

Perkembangan inovatif minyak sawit tidak kurang menakjubkan. Ianya bukan sahaja digunakan sebagai minyak dan lemak yang boleh dimakan, malah turut meresap ke dalam setiap aspek kehidupan harian kita.

Minyak sawit boleh dianggap 'Intel Inside' bagi produk makanan, barangan pengguna dan isi rumah, serta bahan api dan pelincir.

Dari saat anda membuka mata sampailah waktu tidur, anda mungkin menggunakan ramuan sawit atau produk derivatif tanpa mengetahuinya.

Produk penjagaan kulit dan ubat gigi yang kita gunakan pada waktu pagi mengandungi gliserin dan pengemulsi berasaskan sawit. Makanan pula disediakan dengan minyak masak yang diperbuat dari olein sawit.

Bagi merapikan pemakanan, kita kadangkala mengambil tocotrienol, agen anti-oksidan yang amat berkesan.

Sepanjang hari, pelbagai bahan pencuci dan produk pembersihan yang digunakan mengandungi surfaktan. Diesel yang kita masukkan ke dalam kereta mengandungi 7 peratus biodiesel sawit. Apabila malam menjelang, produk penjagaan rambut dan badan yang kita gunakan mengandungi asid lemak dan emolien.

Penggunaan produk minyak sawit begitu mendalam kerana ia adalah ramuan berkesan yang dihasilkan dengan cekap dan inovatif melalui penyelidikan dan pembangunan yang bertahun-tahun.

Sebagai contoh, tidak ramai menyedari bahawa ladang kelapa sawit pernah menggunakan khidmat 'wanita penghembus, yang tugasnya adalah untuk mendebungkan bunga jantan, yang dicampur dengan talkum, kepada bunga betina apabila ia sudah terbuka.

Idea bijak ini berasal daripada warga Scotland, Leslie Davidson, yang meyakini bahawa agen pendebungan kelapa sawit adalah serangga dan bukannya angin.

Beliau mengutarakan agar kajian dilakukan dan seterusnya me-

Tahukah anda?


Henri Fauconnier

memulakan penanaman kelapa sawit secara komersial di Malaysia (Malaya) adalah pengarang buku bertajuk

Malaisie

(The Soul of Malaya)

dan memenangi Anugerah Prix Goncourt pada 1930



Darurat

diisytiharkan pada 28 Jun 1948 susulan pembunuhan pengurus ladang di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948 (menjelang 1960, seramai 99 penanam terbunuh)



ngumpul dana bersama Mahbob Sulaiman untuk tujuan penyelidikan. Ia dilakukan oleh seorang warga Pakistan yang terkenal, Rahman Anwar Syed. *Elaeidobius Kamerunicus* atau lebih dikenali sebagai kumbang kelapa sawit, tiba di Estet Mamor di Kluang dan Estet Pamol di Sabah pada tahun 1981 dan selebihnya tersirat sebagai sejarah.

Ibarat kumbang kelapa sawit yang menjadi pemangkin kepada peningkatan dalam hasil dan produktiviti, usaha penyelidikan serta pembangunan lain juga bertindak sebagai penggalak.

Konsortium Makmal Genetik Kelapa Sawit yang ditubuhkan pada 1962, sebagai contoh, menampilkan hasil yang luar biasa dalam

kawalan perosak, penggunaan baja, penambahbaikan benih, produktiviti buruh, kecekapan pemprosesan dan kualiti minyak.

Seterusnya, penubuhan Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia) pada 1973 dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) pada 1979, mengembangkan dan mempercepatkan penyelidikan serta pembangunan yang menghasilkan genom, biodiesel, biomass, aplikasi makanan dan bukannya makanan dan piawai mampan.

Peranan itu kini diketuai Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang ditubuhkan melalui penggabungan PORIM dan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Sa-